

Stesen Kereta Api KL akan diubahsuai jadi i pasar seni

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April — Stesen Kereta Api Kuala Lumpur akan diubahsuai menjadi 'pasar seni' kedua untuk tarikan pelancong yang turut menempatkan kedai-kedai menjual barangan kraf tangan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, sebahagian daripada bangunan stesen juga akan diubahsuai menjadi muzium.

"Langkah memulihara bangunan bersejarah ini adalah bertepatan sekali kerana ia

banyak teras sebagai pusat perkhidmatan kereta api utama negara sejak 1885," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar bertajuk "Perdagangan Talian: Haluan Antarabangsa dan Kesannya Kepada Malaysia," di sini hari ini.

Stesen Kereta Api Kuala Lumpur yang dibina pada 1885 berdasarkan seni bina 'Moorish' adalah antara bangunan tercantik di ibu kota.

Beliau memberitahu, Kere-

tapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melantik sebuah syarikat perunding untuk mengkaji cadangan terbabit.

"Saya dimaklumkan pengubahsuaian ini juga akan mencontohi konsep stesen kereta api Victoria Station (di Britain) dan stesen lain di Australia," jelasnya.

KTMB pada Isnin lalu memindahkan semua perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) Antara Bandar ke Stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral).

Pemindahan itu menanda-

kan berakhirnya peranan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur sebagai pusat rangkaian kereta api utama negara.

Bagaimanapun, perkhidmatan KTM Komuter masih beroperasi di stesen itu.

Beberapa kedai menjual buku dan cenderamata dan hotel The Heritage Station Hotel Kuala Lumpur' juga masih beroperasi di sana.

Stesen KL Sentral, Dr. Ling berkata, ia akan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedikit masa lagi.